

Syabi S Zpelle

Shah Alam Trees For Life 2016

# 300 sertai program hijaukan Shah Alam

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Seramai 300 peserta termasuk 100 pelajar dari Universiti Monash bersama kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menanam 300 pokok buluh (Bambusa Vulgaris) bagi program 'Shah Alam Trees For Life 2016'.

Pegawai Komunikasi Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata program itu diadakan untuk kali pertama pada 2016 bertempat di kawasan Persiaran Raja Muda, Persiaran Pegawai, Bulatan Setia Jasa, Seksyen 14 di sini dengan kerjasama Universiti Monash.

"Program itu sebagai tanda komited MBSA untuk terus menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam melalui aktiviti penanaman pokok.

"Shah Alam juga diberikan

wajah baru dengan konsep teduhan hijau pada kawasan persekitaran terbabit, sekaligus menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya dalam taman," katanya dalam kenyataan media.

Selain itu, katanya, melalui program penanaman pokok itu, MBSA menggalakkan penyertaan daripada badan korporat dan syarikat swasta yang mengamalkan dan ingin melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Universiti Monash menyumbangkan RM30 untuk setiap pokok ditanam sebagai tanda sokongan dan komited terhadap program ini.

"Program ini menerapkan budaya kerja secara sukarelawan kepada peserta khususnya kepada pelajar dan generasi muda," katanya.



Peserta mengambil bahagian menanam pokok sempena program Shah Alam Trees For Life 2016